

# Padah cubaan sogok Maritim

Sinar Harian

14/8/2018 nls 36

**Cubaan nelayan asing sogok pegawai Maritim sebanyak RM10,000 gagal**

RAIHAM MOHD SANUSI

## KEMAMAN

Tidak cukup dengan kesalahan menceroboh dan menangkap ikan secara haram di negara ini, nelayan warga asing diperdayai dari Vietnam cuba memberi rasuah sebanyak RM10,000 kepada pegawai Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) agar dibebaskan.

Cubaan kotor itu bagaimanapun menjerat leher sendiri kerana mereka bakal berdepan tindakan lebih berat.

Pengarah Maritim Negeiri Terengganu, Kapten Maritim Muhammad Suffi Mohd Ramli berkata, sebanyak empat buah bot ditahan kapal ronda KM Pekan ketika sedang menangkap ikan tanpa permit sah antara jam 7.50 hingga 10.10 pagi pada Sabtu lalu dalam jarak lingkungan 102 hingga 119 batu nautika dari Kuala Kemaman.

Menurutnya, bot pertama dan kedua masing-masing ditahan pada jam 7.50 dan 8 pagi pada kedudukan 102 batu nautika dari Kuala Kemaman, diikuti bot ketiga pada jam 9.30 pagi di kedudukan 118 batu nautika sementara bot keempat pula berjaya ditahan pada jam 10.10 pagi pada kedudukan hanya satu batu nautika dari bot ketiga.

"Ketika pemeriksaan dilakukan ke atas bot keempat, tekong bot itu memohon menemui pegawai memerintah kapal ronda KM Pekan dan



Muhammad Suffi (kanan) dan Mohamad Rezal mengeluarkan ikan yang ditemui dalam petak simpanan bot nelayan asing yang ditahan.

cuba memberi sogongan wang tunai sebanyak RM10,000.

"Pegawai memerintah KM Pekan tolak tawaran itu tapi tekong itu tetap degil dan beri tawaran sebanyak tiga kali tetapi dengan integriti tinggi, Maritim Malaysia tarik

keempat-empat buah bot itu ke Pangkalan Maritim Kemaman," katanya pada sidang media di jeti Pangkalan Maritim Kemaman, petang semalam.

Hadir sama Ketua Zon Maritim Kemaman, Lettenan

Komander Maritim Mohamad Rezal Kamal Bashah.

Muhammad Suffi berkata, keempat-empat buah bot itu dinaiki seramai 38 tekong dan awak-awak berusia antara 16 hingga 63 tahun.

"Tekong bot juga gagal

mengemukakan sebarang dokumen atau permit sah daripada Jabatan Perikanan Malaysia dan kesemua awak-awak termasuk tekong tidak mempunyai dokumen pengenalan diri," katanya.

Hasil pemeriksaan lanjut, pihaknya turut menemui kira-kira 500 kilogram ikan campur dan sejumlah 28,000 liter minyak diesel dalam bot-bot terbabit.

Kata Muhammad Suffi, nilai kesemua bot tersebut dengan peralatan dianggaran berjumlah RM4.5 juta.

Jelasnya, kesemua nelayan asing ditahan dan disiasat di bawah tiga kesalahan mengikut Akta Perikanan 1985, Akta Imigresen 1959/63 dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009.

Katanya lagi, jika sabit kesalahan bot boleh dirampas manakala tekong boleh didenda sehingga RM1 juta dan awak-awak boleh didenda sebanyak RM500,000.